

23/09/1998

RM2.2 juta ganjaran buat atlit

Lukman Salleh

HABUAN berjumlah RM2.2 juta menanti atlit yang menyumbangkan 36 pingat untuk negara dalam temasya Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI yang berakhir kelmarin.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata mereka akan menerima ganjaran wang tunai di bawah Skim Hadiah Kemenangan Sukan, Majlis Sukan Negara (MSN) itu dalam majlis gilang-gemilang `Jamuan Perdana' di Stadium Nasional, Bukit Jalil, 3 Oktober ini.

Selain meraikan kejayaan atlit, majlis itu juga akan dihadiri semua pihak yang terbabit menjayakan Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI sebagai menghargai sumbangan yang diberikan.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersetuju supaya satu majlis penghargaan `Jamuan Perdana' diadakan yang akan membabitkan Sukom '98, agensi kerajaan, penaja dan sukarelawan.

"Tempat paling sesuai untuk kita adakan temasya ini ialah di Stadium Nasional yang boleh menampung semua jemputan," kata Muhyiddin dalam sidang akhbar di Pusat Akhbar Utama (MPC), semalam.

Di bawah skim itu, pemenang emas acara individu dan berpasukan kurang daripada lima orang akan menerima RM80,000, perak (RM40,000) dan gangsa (RM20,000) dengan tambahan RM10,000 untuk mereka yang memecahkan rekod kejohanan.

Bagi acara berpasukan lebih lima orang pula, setiap pemain akan menerima RM15,000 untuk emas, RM8,000 (perak) dan RM4,000 (gangsa) serta RM2,000 setiap seorang untuk rekod yang dicipta.

Selain itu, atlit emas negara juga akan menerima RM10,000, masing-masing dijanjikan oleh dua syarikat swasta serta skim insurans bernilai RM50,000 yang premium tahunannya dibayar oleh Majlis Olimpik Malaysia (MOM).

Jaguh angkat berat, Mohd Hidayat Hamidon, yang menyumbang satu emas dan satu perak, dijangka menerima ganjaran paling lumayan, iaitu wang tunai RM150,000 serta sebuah Proton Perdana kerana memecahkan rekod Sukan Komanel.

Muhyiddin juga berharap atlit negara akan mempamerkan persembahan yang lebih baik dalam Sukan Asia di Bangkok, Disember ini.

"Walaupun mereka sudah mencapai kemuncak prestasi dalam Sukan Komanwel ini, saya berharap ia akan diteruskan kerana atlit tidak harus mengalami kemerosotan selepas ini."

"Kita tahu bahawa saingan di Sukan Asia lebih hebat dan ada beberapa acara lebih baik dari Sukan Komanwel," katanya.

Muhyiddin turut memuji persembahan atlit negara yang melakukan kejutan seperti G Saravanan dalam acara 50km jalan kaki, Sapok Biki (tinju) dan Hidayat (angkat berat).

"Sebelum ini semua orang beranggapan olahraga tidak akan memenangi sebarang pingat kerana akan berdepan dengan jaguh dunia tetapi Saravanan membuktikan ia mampu dilakukan," kata Muhyiddin.

(END)